

PM sahkan terima perletakan jawatan Sakaran

UM 22 DEC 1994

Oleh MOHD. NOR SAMAD

KOTA KINABALU 21 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan menerima perletakan jawatan Tan Sri Sakaran Dandai sebagai Ketua Menteri Sabah.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, tarikh kuatkuasa perletakan jawatan itu belum diputuskan lagi.

Beliau mengesahkan perkara itu semasa ditanya apakah beliau menerima perletakan jawatan Sakaran sebagai Ketua Menteri Sabah.

Dengan pengesahan Dr. Mahathir ini, menamatkan segala spekulasi sejak Sakaran menyatakan hasratnya semasa di Perbincungan Agung UMNO baru-baru ini untuk meletakkan jawatan se-

bagai Ketua Menteri dan sekaligus bersara dari politik.

Sakaran acap kali menyentuh soal itu semasa menghadiri beberapa siri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat antara sebabnya kerana politik Sabah sudah stabil dan perpaduan sudah semakin erat di kalangan pelbagai suku kaum di negeri ini.

Perdana Menteri yang ditemui sejurus tiba di Lapangan Terbang Lama Kota Kinabalu, untuk bercuti selama empat hari, di sini lewat petang ini, meminta para wartawan bersabar tentang pengumuman berhubung pengganti Sakaran.

"Tunggulah, sabarlah, akan diberitahu. Tunggulah sekejap," jawab beliau bila ditanya beberapa kali mengenai bilakah pengumuman pengganti Ketua Menteri akan dibuat.

Mengenai pertanyaan sama ada Sakaran akan dilantik sebagai Yang Di pertua Negeri Sabah menggantikan Tun Mohd. Said Keruak yang akan tamat tempoh perkhidmatannya hujung bulan ini, beliau berkata, "dia tidak tahu tentang perkara tersebut.

Beliau bagaimanapun meminta supaya menunggu pengumuman Yang di-Pertuan Agong.

Sakaran, 64, disebutkan akan menggantikan Said Keruak sebagai Yang Dipertua Negeri Kelapan.

Sementara dua nama lagi iaitu anak Said Keruak, Datuk Mohd. Salleh dan Datuk Osu Sukam antara nama yang disebut sebagai Ketua Menteri kesembilan menggantikan Sakaran.